

Content

1. Healthpoints _____	2
2. Healthpoints – Had Maksimum Tahunan _____	5
3. HPB Credit\$ _____	7
4. HPB eVouchers _____	10
5. Baucar Pusat Beli-belah _____	14
6. e-Baucar Berjenama Pedagang _____	15
7. e-Baucar SimplyGo _____	18
8. Pedagang Rakan Kongsi Yang Mengambil Bahagian _____	24
9. Hubungi Kami _____	25

1. Healthpoints

1 Bagaimanakah caranya saya boleh mendapat lebih banyak Healthpoints?

Anda akan diberikan Healthpoints dengan mengambil bahagian dalam program-program tertentu daripada HPB dan rakan kongsinya.

2 Untuk apa saya boleh menebus Healthpoints saya?

Anda boleh menebus Healthpoints anda untuk jenis ganjaran berikut:


- HPB Credit\$
- e-Baucar berjenama HPB & Pedagang
- Derma Badan Amal
- e-Baucar SimplyGo (Sebelum ini dikenali sebagai e-Baucar TransitLink)

3 Bagaimanakah saya boleh tahu jika saya telah berjaya membuat penebusan?

Mesej pengesahan akan dipaparkan apabila penebusan berjaya dilakukan. Butiran transaksi penebusan boleh didapati di bawah tab "Sejarah Ganjaran".

4 Adakah Healthpoints saya akan tamat tempoh?

Setiap Healthpoint mempunyai tarikh sah laku selama 6 bulan. Butiran ringkasan Healthpoints anda (termasuk tarikh tamat tempoh jika berkenaan) boleh didapati di bawah “Dompert Saya” dalam bahagian Ganjaran. Semak halaman Ringkasan “Dompert Saya” anda untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan tentang tarikh tamat tempoh. Mana-mana Healthpoint yang telah tamat tempoh akan dilucuthakkan secara automatik, dibatalkan dan menjadi batal dan tidak sah. Sebarang permintaan untuk pelanjutan, penukaran, penggantian atau bayaran balik tidak akan dilayan.



Cara menebus Healthpoints untuk e-Baucar:

Langkah 1: Buka aplikasi Healthy 365 anda dan ketik pada “Ganjaran”

Langkah 2: Ketik pada “Tebus sekarang”

Langkah 3: Pilih senarai e-Baucar pilihan anda pada katalog

Langkah 4: Ketik ‘Tebus’ dan ikut arahan pada skrin

Langkah 5: e-Baucar yang ditebus boleh didapati di bawah halaman “Ganjaran Saya”

Untuk maklumat lanjut, sila klik <https://go.gov.sg/stepbystep-guide-for-rewards-malay> untuk merujuk kepada panduan ganjaran.

5 Apakah yang dimaksudkan dengan “Healthpoints Saya”?

Dalam aplikasi H365, “Healthpoints Saya” merujuk pada jumlah Healthpoints terkumpul yang telah diberikan kepada anda. Anda boleh menebus Healthpoints anda untuk mana-mana item ganjaran dalam Katalog ganjaran H365 sebelum Healthpoints anda tamat tempoh

6 Bolehkah saya memindahkan Healthpoints saya, atau menukar dengan wang tunai atau kredit?

Healthpoints tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga, atau ditukar dengan wang tunai atau kredit.

7 Saya telah tersilap menebus Healthpoint saya untuk ganjaran. Bolehkah saya meminta penukaran?

Tidak, anda tidak boleh meminta penukaran. Mana-mana ganjaran setelah ditebus tidak boleh dikembalikan, tidak boleh ditukar dengan wang tunai, Healthpoints atau sebarang ganjaran lain.

8 Mengapakah saya tidak dapat menebus Healthpoints saya? Saya menerima mesej berikut: “Sesuatu yang tidak kena.”

Ini mungkin disebabkan oleh beberapa isu teknikal apabila anda menghadapi mesej ralat “Sesuatu yang tidak kena” semasa menebus Healthpoints anda. Sila cuba lagi kemudian atau hubungi ejen perkhidmatan pelanggan HPB untuk mendapatkan bantuan di HPB_Mailbox@hpb.gov.sg.

Ketahui cara melihat baki Healthpoints anda, melihat tarikh tamat tempoh dan menebus ganjaran menarik dengan Healthpoints hasil titik peluh anda pada Aplikasi <https://go.gov.sg/view-healthpoints-and-transaction-history>.

2. Healthpoints – Had Maksimum Tahunan

- ① **Apakah nilai maksimum Healthpoints yang akan diberikan kepada saya dalam satu tahun?**
 - a. Untuk aktiviti-aktiviti di bawah Kategori Gaya Hidup, jumlah terkumpul Healthpoints yang diberikan adalah tertakluk kepada had maksimum (“Had Gaya Hidup”) sebanyak \$190 untuk satu tahun kalendar.
 - b. Untuk aktiviti di bawah Kategori Program Rakan Kongsi, jumlah terkumpul Healthpoints yang diberikan adalah tertakluk kepada had maksimum (“Had Rakan Kongsi”) sebanyak \$80 untuk satu tahun kalendar.

- ② **Apakah aktiviti di bawah Kategori Gaya Hidup dan Kategori Program Rakan Kongsi?**
 - a. Untuk Kategori Gaya Hidup, aktiviti (“Aktiviti Gaya Hidup”) yang disenaraikan di sini mungkin tidak menyeluruh dan setiap aktiviti boleh memberikan Healthpoints tertakluk pada Syarat-syarat Program dan mekanik khususnya:
 - i. Langkah
 - ii. MVPA
 - iii. Tidur
 - iv. Pembelian item pilihan lebih sihat yang layak
 - v. Log Sajian
 - vi. Tugas penglibatan kesihatan (contohnya, kuiz dan senaman)
 - vii. Tinjauan
 - b. Untuk Kategori Program Rakan Kongsi, butiran aktiviti (“Aktiviti Rakan Kongsi”) akan tersedia setelah aktiviti telah siap untuk dilancarkan.
 - c. HPB boleh mengikut budi bicara mutlak, menyemak dan/atau meminda senarai dari masa ke masa tanpa notis terlebih dahulu.

3 Apakah yang akan berlaku apabila saya telah mencapai Had Gaya Hidup?


Anda tidak akan diberikan Healthpoints tambahan daripada semua aktiviti Gaya Hidup anda untuk tahun kalendar tersebut. Sebagai contoh, jika anda telah mencapai Had Gaya Hidup pada 2 Disember 2024, tiada lagi Healthpoints tambahan akan diberi kepada dompet anda untuk baki tahun kalendar ini.

Anda boleh terus diberikan Healthpoints untuk Aktiviti bukan Gaya Hidup (contohnya, 3,000 Healthpoints selepas selesai rundingan Pelan Kesihatan SG Yang Lebih Sihat).

Pengumpulan Healthpoints yang diberikan daripada Aktiviti Gaya Hidup akan ditetapkan semula pada permulaan kalendar baharu (i.3., 1 Januari, 00:00).

4 Bagaimanakah cara untuk saya ketahui apabila Healthpoints tidak diberikan kepada saya kerana Had Gaya Hidup?

Anda akan dimaklumkan menerusi aplikasi bahawa anda telah mencapai Had Gaya Hidup. Selain itu, semua Aktiviti Gaya Hidup yang telah selesai, melebihi Had Gaya Hidup akan terus dipaparkan dalam 'Transaksi' Healthy 365 anda dan ditandakan dengan ikon bintang.



3. HPB Credit\$

1 Apa itu HPB Credit\$?

HPB Credit\$ ialah kredit yang dikeluarkan dalam mata wang Singapura, yang boleh digunakan untuk mengimbangi bayaran kepada pedagang terpilih di rangkaian QR NETS.

2 Bagaimanakah saya boleh menggunakan HPB Credit\$ saya?

HPB Credit\$ boleh digunakan untuk mengimbangi pembelian di mana-mana kedai pedagang yang mengambil bahagian. Untuk membayar menggunakan HPB Credit\$ anda, cari label HPB Credit\$ di kedai dan imbas QR NETS untuk mencetuskan proses bayaran. Sila rujuk Panduan langkah demi langkah yang terdapat di penghujung bahagian “Ganjaran” tentang penggunaan HPB Credit\$.

3 Di manakah saya boleh menggunakan HPB Credit\$ saya?

Label HPB Credit\$ akan dipaparkan di kaunter juruwang untuk menunjukkan bahawa HPB Credit\$ diterima oleh kedai pedagang yang mengambil bahagian. Anda boleh melihat senarai penuh pedagang yang mengambil bahagian <https://go.gov.sg/fbstalls-hpbcredit>.



4 Apakah kadar penukaran Healthpoints kepada HPB Credit\$?

Setiap 150 Healthpoints bersamaan dengan \$1 HPB Credit\$ (iaitu bernilai SGD 1).

5 Berapakah jumlah minimum Healthpoints yang saya perlukan untuk menebus HPB Credit\$?

Sekurang-kurangnya 150 Healthpoints diperlukan untuk setiap transaksi penebusan.

6 Adakah HPB Credit\$ saya akan tamat tempoh?

Setiap HPB Credit\$ mempunyai tempoh sah laku selama 3 bulan. Butiran ringkasan HPB Credit\$ anda (termasuk tarikh tamat tempoh jika berkenaan) boleh didapati dalam Dompet HPB Credit\$ anda. Kredit\$ HPB akan tamat tempoh pada 11:59 malam bagi tarikh tamat tempoh yang dinyatakan.

7 HPB Credit\$ saya telah tamat tempoh. Adakah saya masih boleh menggunakan HPB Credit\$ saya atau meminta pelanjutan?

Tidak, anda tidak boleh menggunakan HPB Credit\$ anda atau meminta pelanjutan setelah tamat tempoh.

8 Bolehkah saya menukar HPB Credit\$ saya dengan wang tunai?

Tidak, HPB Credit\$ tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau sebarang barangan ganjaran lain.

9 Apakah yang berlaku jika jumlah pembelian saya lebih besar daripada nilai HPB Credit\$ saya?

Jika nilai Kredit\$ HPB tidak meliputi kos penuh barangan yang dibeli, anda perlu membayar baki dalam mana-mana kaedah bayaran yang boleh diterima oleh pedagang.

10 Bagaimana jika saya secara tidak sengaja telah membayar lebih (menggunakan HPB Credit\$) daripada nilai produk/perkhidmatan?

Kami amat menggalakkan semua pengguna menyemak semula jumlah bil mereka sebelum mengklik pada 'Sahkan Bayaran' kerana HPB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap sebarang percanggahan pembayaran.

Jika anda mempunyai isu dengan transaksi HPB Credit\$ anda, Pedagang, mengikut budi bicara mutlaknyanya, boleh memulangkan perbezaannya kepada anda.

11 Bolehkah saya memindahkan HPB Credit\$ saya ke akaun pengguna lain?

Tidak, HPB Credit\$ tidak boleh dipindah milik.


12 Adakah terdapat sebarang sekatan ke atas penggunaan Kredit\$ HPB?

Ya, sekatan ke atas penggunaan Kredit\$ HPB adalah seperti berikut:

- Kredit HPB tidak boleh digunakan untuk pembelian baucar peruncit lain, tiket loteri, rokok, barangan alkohol dan kad prabayar (tidak termasuk pelan data).
- Penggunaan Kredit\$ HPB tertakluk kepada terma dan syarat setiap pedagang yang mengambil bahagian. Kredit\$ HPB tidak akan diterima jika diperolehi daripada sumber yang tidak dibenarkan. HPB berhak, pada bila-bila masa, tanpa notis atau atau liabiliti terhadap anda, membuat perubahan kepada Kredit\$ HPB yang diberikan atau ditebus oleh anda.
- Untuk butiran penuh, sila rujuk Klausa 8 Program Ganjaran HPB: Terma & Syarat <https://go.gov.sg/rewards-terms-and-conditions>.

13 Di manakah saya boleh melihat Kredit\$ HPB saya selepas transaksi penebusan saya?

Kredit\$ HPB akan dikreditkan terus ke dalam Dompot Kredit\$ HPB anda selepas transaksi penebusan berjaya dibuat. Dompot Kredit\$ HPB boleh didapati pada tab 'Ganjaran'.



Nikmati hidangan sihat yang lazat di pusat penjaja, kedai kopi dan medan selera di seluruh pulau! Ketahui cara menebus HPB Credit\$ dengan Healthpoints anda <https://go.gov.sg/redeem-hpbcredit-using-healthpoints>.

4. HPB eVouchers

1 Apa itu HPB eVouchers?

HPB eVouchers ialah baucar elektronik yang dikeluarkan dalam mata wang Singapura, dan tersedia dalam denominasi \$5 dan \$10; yang boleh ditebus dengan 750 dan 1,500 Healthpoints masing-masing.

2 Bagaimanakah saya boleh menggunakan HPB eVouchers saya?

Berbilang HPB eVouchers boleh digunakan dalam satu transaksi pembelian di mana-mana kedai pedagang yang mengambil bahagian. Sebarang jumlah yang tidak digunakan daripada e-Baucar akan dilucuthakkan. Tangkapan skrin e-Baucar tidak akan diterima. Anda boleh merujuk kepada halaman Ganjaran di bawah bahagian “Program” di laman web HealthHub untuk maklumat lanjut.

3 Di manakah saya boleh menggunakan HPB eVouchers saya?

Senarai pedagang yang mengambil bahagian boleh didapati di bawah butiran HPB eVoucher pada aplikasi Healthy 365.

4 Adakah HPB eVouchers saya akan tamat tempoh?

Ya, HPB eVouchers akan tamat tempoh pada 11:59 malam bagi tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada setiap e-Baucar.

5 HPB eVoucher saya telah tamat tempoh. Adakah saya masih boleh menggunakan HPB eVoucher saya atau meminta penggantian?

Tidak, anda tidak boleh menggunakan HPB eVoucher anda atau meminta penggantian setelah tamat tempoh.

6 Apakah yang berlaku jika jumlah pembelian saya lebih besar daripada nilai HPB eVoucher saya?

Jika nilai HPB eVoucher tidak meliputi kos penuh barangan yang dibeli, anda perlu membayar baki dalam mana-mana kaedah bayaran yang boleh diterima oleh pedagang.

7 Saya telah mengaktifkan HPB eVoucher secara tidak sengaja. Bolehkah saya mendapatkan bayaran balik?

Tidak, HPB eVouchers yang telah diaktifkan, secara tidak sengaja atau selainnya, tidak akan dibayar balik. Sila serahkan e-Baucar anda hanya apabila juruwang mengurus anda dan apabila anda bersedia untuk membuat bayaran.

8 Bolehkah saya mendapatkan bayaran balik/penukaran/pemindahan untuk HPB eVoucher saya jika saya membatalkan transaksi saya selepas saya menyerahkan e-Baucar saya di tempat juruwang?

Tidak, anda tidak akan mendapat bayaran balik sebaik sahaja anda menyerahkan e-Baucar kepada juruwang.

9 Bolehkah saya menukar HPB eVouchers saya dengan wang tunai?

Tidak, HPB eVouchers tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau sebarang barangan ganjaran lain.

10 Bolehkah saya memindahkan HPB eVouchers saya ke akaun pengguna lain?

Tidak, HPB eVouchers tidak boleh dipindah milik.


11 Adakah terdapat sebarang sekatan ke atas penggunaan HPB eVouchers?

Ya, sekatan ke atas penggunaan HPB eVouchers adalah seperti berikut:

- HPB eVouchers tidak boleh digunakan untuk pembelian baucar peruncit lain, tiket loteri, rokok, barangan alkohol dan kad prabayar (tidak termasuk pelan data).
- Penggunaan HPB eVouchers tertakluk kepada terma dan syarat setiap pedagang yang mengambil bahagian.
- HPB eVouchers tidak akan diterima jika diperolehi daripada sumber yang tidak dibenarkan. HPB berhak, pada bila-bila masa, tanpa notis atau atau liabiliti terhadap anda, membuat perubahan kepada HPB eVoucher yang diberikan atau ditebus oleh anda.
- Untuk butiran penuh, sila rujuk Klausa 7 Program Ganjaran HPB: Terma & Syarat <https://go.gov.sg/rewards-terms-and-conditions>.


12 Di manakah saya boleh melihat HPB eVouchers saya selepas transaksi penebusan saya?

HPB eVoucher akan dikreditkan terus ke dalam akaun anda selepas penebusan berjaya dibuat, dan boleh didapati di bawah “Ganjaran Saya”.



13 Di manakah saya boleh melihat Terma & Syarat HPB eVouchers?

Ketik pada HPB eVoucher untuk melihat butiran yang termasuk Terma & Syarat e-Baucar.




14 Bagaimanakah saya menggunakan HPB eVouchers di kedai pedagang yang mengambil bahagian?

Sila rujuk panduan yang terdapat di penghujung halaman “Ganjaran” untuk arahan langkah demi langkah tentang penggunaan HPB eVouchers.

15 Bagaimanakah saya menggunakan HPB eVoucher pada platform aplikasi/web pedagang dalam talian?

Pilih pilihan “Dalam talian” selepas mengklik untuk menggunakan HPB eVoucher. Salin kod baucar yang ditunjukkan dan tampal kod tersebut pada platform aplikasi/web pedagang untuk menebus.



HPB eVouchers diterima di lebih daripada 30 jenama peniaga. Ketahui cara menebus HPB eVouchers dengan Healthpoints pada Aplikasi Healthy 365 <https://go.gov.sg/redeem-hpb-evouchers-using-healthpoints>.

5. Baucar Pusat Beli-belah

① Bagaimanakah saya menukar HPB eVoucher dengan baucar pusat beli-belah bercetak?

HPB eVoucher boleh diterima di pusat beli-belah yang mengambil bahagian. Untuk menukar HPB eVoucher dengan baucar pusat beli-belah bercetak, sila hubungi Kaunter Perkhidmatan Pelanggan atau Bahagian Kerja Rencam pusat beli-belah berkenaan. Untuk senarai pusat beli-belah, sila rujuk senarai yang dipaparkan di bawah butiran HPB eVoucher pada aplikasi Healthy 365.

② Apakah denominasi baucar pusat beli-belah yang boleh saya tebus?

Baucar pusat beli-belah hanya boleh ditebus menggunakan HPB eVoucher dalam denominasi \$5 dan \$10. Menggunakan wang tunai untuk membayar perbezaan mungkin dibenarkan, tertakluk kepada Terma & Syarat pusat beli-belah masing-masing.

③ Di manakah saya boleh menggunakan Baucar Pusat Beli-belah saya?

Sila rujuk terma dan syarat pusat beli-belah masing-masing untuk butiran.

6.e-Baucar Berjenama Pedagang

1 Apakah denominasi e-Baucar berjenama pedagang yang boleh saya tebus?

e-Baucar berjenama pedagang tersedia dalam denominasi \$5 dan \$10.

2 Di manakah saya boleh melihat e-Baucar berjenama pedagang saya selepas transaksi penebusan?

e-Baucar berjenama pedagang akan dikreditkan terus ke dalam akaun anda selepas setiap transaksi, dan boleh didapati di bawah "Ganjaran Saya".

3 Bolehkah saya menukar untuk e HPB eVoucher atau e-Baucar berjenama pedagang lain selepas penebusan?

Tidak, anda tidak akan dapat menukar.

4 Apakah yang berlaku jika jumlah pembelian saya lebih besar daripada nilai e-Baucar berjenama pedagang saya?

Anda perlu menambah nilai untuk perbezaan kepada pedagang apabila nilai e-Baucar yang digunakan dalam satu transaksi tidak meliputi kos penuh barangan atau perkhidmatan yang dibeli.

5 Adakah e-Baucar berjenama pedagang tamat tempoh?

Ya, e-Baucar berjenama pedagang akan tamat tempoh pada 11:59 malam bagi tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada setiap e-Baucar.

6 e-Baucar berjenama pedagang saya telah tamat tempoh? Adakah saya masih boleh menebus e-Baucar berjenama pedagang saya atau meminta penggantian?

Tidak, anda tidak boleh menebus atau meminta penggantian apabila mana-mana e-Baucar anda telah tamat tempoh.

7 Bolehkah saya mendapatkan bayaran balik/penukaran/pemindahan untuk e-Baucar berjenama pedagang saya jika saya membatalkan transaksi saya selepas saya menyerahkan baucar saya di tempat juruwang?

Tidak, sebaik sahaja e-Baucar pedagang diserahkan kepada juruwang, e-Baucar tersebut tidak boleh dikembalikan, ditukar atau dipindahkan.

8 Saya telah mengaktifkan e-Baucar berjenama pedagang secara tidak sengaja. Bolehkah saya mendapatkan bayaran balik?

Tidak, sebarang pengaktifan tidak sengaja e-Baucar Pedagang tidak akan dikembalikan. Sila serahkan e-Baucar Pedagang anda hanya apabila kakitangan mengurus anda.

9 Bolehkah saya memindahkan e-Baucar berjenama pedagang saya ke akaun lain atau menukar dengan wang tunai?


Tidak, e-Baucar berjenama Pedagang tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar (keseluruhan atau sebahagian) dengan wang tunai.

10 Adakah terdapat sebarang sekatan dalam menggunakan e-Baucar berjenama pedagang saya?

Sila rujuk butiran dan Terma & Syarat masing-masing yang dinyatakan pada e-Baucar dalam akaun Healthy 365 anda.

11 Bagaimanakah kod promosi berfungsi untuk pedagang dalam talian?

Rujuk arahan yang dinyatakan pada e-Baucar. Selepas mengklik untuk menggunakan e-Baucar, salin kod baucar dan tebus pada platform dalam talian pedagang (cth. KLOOK) pada hari yang sama. Tiada pembayaran balik jika kod promosi tidak digunakan pada hari yang sama dan ditolak oleh platform aplikasi/web pedagang.



7.e-Baucar SimplyGo

① Adakah saya layak untuk menebus e-Baucar SimplyGo?

Pilihan ini tersedia untuk semua pengguna yang memiliki Kad Perjalanan Pengangkutan Awam yang sah (cth., EZ-Link, NETS FlashPay atau kad Konsesi). Penebusan tidak boleh dibuat kepada NETS CashCard, dan tidak akan ada bayaran balik dalam sebarang bentuk jika ID CAN NETS CashCard dihantar secara tidak sengaja.

Sila ambil perhatian bahawa terdapat tarikh tamat tempoh untuk semua Kad Perjalan Pengangkutan Awam. Untuk menyemak tarikh tamat tempoh Kad Perjalan Pengangkutan Awam anda, sila ketik kad di mana-mana Pejabat Tiket SimplyGo atau Kios terdekat yang terletak di stesen MRT/tempat pertukaran bas.

2 Bagaimanakah saya boleh menebus Healthpoints saya untuk e-Baucar SimplyGo?

Langkah 1: Buka aplikasi Healthy 365 anda dan klik pada “Ganjaran”


Langkah 2: Klik pada “Tebus sekarang”

Langkah 3: Pilih senarai “SimplyGo” di katalog

Langkah 4: Klik ‘Tebus’ dan ikut arahan pada skrin

Langkah 5: Mesej berjaya akan dipaparkan pada skrin anda sebaik sahaja penebusan selesai. Selepas itu, anda boleh terus ke Pejabat Tiket SimplyGo atau Kios terdekat yang terletak di stesen MRT/tempat pertukaran bas untuk menambah nilai yang ditebus ke dalam kad anda. Anda juga boleh menebus e-Baucar SimplyGo anda kepada kad Konsesi SimplyGo atau EZ-Link SimplyGo anda serta-merta menggunakan aplikasi SimplyGo* atau Portal SimplyGo*.

** Pengguna mesti mendaftar terlebih dahulu untuk akaun SimplyGo dan menambah kad Konsesi SimplyGo atau EZ-Link SimplyGo ke dalam akaun.*



3 Apakah kadar penukaran Healthpoints dengan e-Baucar SimplyGo?

Setiap 150 Healthpoints bersamaan dengan \$1 e-Baucar SimplyGo.


4 Berapakah jumlah minimum Healthpoints yang saya perlukan untuk menebus e-Baucar SimplyGo?

Sekurang-kurangnya 150 Healthpoints diperlukan untuk setiap transaksi.

5 Bilakah saya boleh menambah nilai Kad Perjalanan Pengangkutan Awam saya (cth., EZ-Link, NETS FlashPay atau kad Konsesi) dengan e-Baucar SimplyGo saya?

Anda boleh menebus e-Baucar SimplyGo anda serta-merta selepas penebusan Healthpoints berjaya. e-Baucar SimplyGo sah untuk tambah nilai Kad Perjalanan Pengangkutan Awam yang ditetapkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penebusan.

Anda juga boleh menyemak status e-Baucar SimplyGo anda melalui aplikasi SimplyGo atau Portal SimplyGo. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://simplygo.com.sg> > klik pada logo “TransitLink”



6 Di manakah saya boleh menambah nilai Kad Perjalanan Pengangkutan Awam saya (cth., EZ-Link, NETS FlashPay atau kad Konsesi) dengan e-Baucar SimplyGo saya?

Anda boleh menambah nilai Kad Perjalanan Pengangkutan Awam anda dengan e-Baucar SimplyGo di Pejabat Tiket atau Kios SimplyGo terdekat yang terletak di stesen MRT/tempat pertukaran bas atau melalui aplikasi SimplyGo* / Portal SimplyGo*. * Pengguna mesti mendaftar terlebih dahulu untuk akaun SimplyGo dan menambah kad Konsesi SimplyGo atau EZ-Link SimplyGo ke dalam akaun.

Jika Mesin Tiket Bantuan Sendiri tidak menunjukkan nilai tambah nilai anda dengan betul, sila cuba lagi atau hubungi Pejabat Tiket SimplyGo untuk mendapatkan bantuan. Sila rujuk laman web SimplyGo untuk lokasi: <https://simplygo.com.sg> > klik pada log “TransitLink” > klik pada tab “Lokasi”.

Kios Tambah Nilai / Kios Perkhidmatan Dibantu



Kios SimplyGo



Anda juga boleh menebus e-Baucar SimplyGo anda kepada kad Konsesi SimplyGo atau EZ-Link SimplyGo anda serta-merta menggunakan aplikasi SimplyGo* atau Portal SimplyGo*. Untuk maklumat lanjut tentang kad Konsesi SimplyGo atau EZ-Link SimplyGo, sila layari aplikasi/portal di bawah Soalan Lazim untuk kad Konsesi SimplyGo atau EZ-Link SimplyGo di <https://www.simplygo.com.sg>.

* Pengguna mesti mendaftar terlebih dahulu untuk akaun SimplyGo dan menambah kad Konsesi SimplyGo atau EZ-Link SimplyGo ke dalam akaun.


Aplikasi Mudah Alih SimplyGo (untuk kad Konsesi SimplyGo atau EZ-Link SimplyGo sahaja)

Langkah 1: Buka aplikasi anda dan klik pada 'e-Baucar'

Langkah 2: Ketik 'Tebus'

Langkah 3: Ketik 'Teruskan'

Langkah 4: Mesej berjaya akan dipaparkan pada skrin anda sebaik sahaja penebusan selesai



7 Di manakah saya boleh mencari Mesin Tiket Bantuan Sendiri?

Mesin Tiket Bantuan Sendiri (iaitu, Kios SimplyGo, Kios Tambah Nilai atau Kios Perkhidmatan Bantuan) terletak di stesen MRT, tempat pertukaran bas dan Hab Pengangkutan Bersepadu di seluruh pulau. Sila rujuk laman web SimplyGo di <https://simplygo.com.sg> > klik pada logo "TransitLink" > klik pada tab "Lokasi" untuk maklumat lanjut.

8 Adakah terdapat sebarang tarikh tamat tempoh untuk e-Baucar SimplyGo saya?

e-Baucar SimplyGo anda akan tamat tempoh dalam masa 30 hari dari tarikh penebusan. Anda tidak akan mendapat bayaran balik/penukaran/pemindahan e-Baucar setelah tamat tempoh.

- 9 **Saya telah kehilangan/merosakkan Kad Perjalanan Pengangkutan Awam saya (cth., EZ-Link, NETS FlashPay atau kad Konsesi). Bolehkah saya mendapatkan bayaran balik untuk e-Baucar SimplyGo saya?**

HPB dan Transit Link Pte Ltd tidak akan dapat menawarkan bayaran balik kepada anda jika anda telah kehilangan atau merosakkan kad berdaftar anda untuk pengkreditan e-Baucar SimplyGo.


- 10 **Saya mempunyai Kad Perjalanan Pengangkutan Awam yang telah tamat tempoh/tidak sah/salah dipautkan (cth., EZ-Link, NETS FlashPay atau kad Konsesi). Bolehkah saya mendapatkan bayaran balik atau memindahkan e-Baucar SimplyGo saya ke kad lain?**

HPB dan Transit Link Pte Ltd tidak akan dapat menawarkan kepada anda sebarang bayaran balik atau pemindahan e-Baucar SimplyGo yang ditebus kepada kad Perjalanan Pengangkutan Awam yang telah tamat tempoh, tidak sah atau tidak dipautkan dengan betul.

Teroka proses langkah demi langkah untuk menukar usaha anda kepada eBaucar pengangkutan awam bagi mengimbangi kos pengangkutan anda! Ketahui cara menebus eBaucar SimplyGo dengan Healthpoints pada Aplikasi Healthy 365 <https://go.gov.sg/redeem-simplygo-evouchers-using-healthpoints>.

8. Pedagang Rakan Kongsi Yang Mengambil

- 1 Untuk senarai Pedagang Rakan Kongsi yang Mengambil Bahagian (PPM) yang menerima e-Baucar HPB, sila navigasi ke katalog ganjaran pada aplikasi Healthy 365 dan klik pada e-Baucar HPB. Terdapat pautan “Lihat senarai penuh pedagang yang mengambil bahagian” di bawah butiran e-Baucar HPB.



- 2 Berminat untuk menyertai Program Ganjaran HPB sebagai pedagang yang mengambil bahagian? Sila layari <https://www.hpb.gov.sg/partners/partner-merchants> untuk maklumat lanjut dan daftar dengan kami.

9. Hubungi Kami

- 1 Untuk pertanyaan tentang ganjaran Healthpoints dan e-Baucar, hubungi kami melalui
E-mel: HPB_Mailbox@hpb.gov.sg
Tel*: 1800 223 1313
- 2 Untuk pertanyaan berkaitan SimplyGo, hubungi
Tel: 1800 2255 663

**Caj masa siaran dikenakan untuk panggilan telefon bimbit ke talian perkhidmatan 1800.*